

**Yang di-Pertuan Agong Ziarah Jenazah Adinda
Bernama
Mei 21, 2014**

ALOR SETAR, 21 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah Hamidun berangkat tiba di Istana Chegar, Anak Bukit, bagi menziarahi jenazah adinda Seri Paduka yang mangkat awal pagi Rabu.

Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Annuar Ibni Almarhum Sultan Badlishah mangkat di Hospital Pantai Ipoh, Perak pada pukul 12.20 tengah malam Rabu.

Seri Paduka Baginda berdua sedang dalam rangka lawatan ke Singapura dan memendekkan kunjungan itu untuk pulang segera ke Kedah.

Mengiringi Seri Paduka berdua ialah anggota Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Abdul Hamid Thani Sultan Badlishah dan Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Tun Dr Mahathir.

Istiadat bersiram jenazah akan dilakukan di Istana Chegar yang terletak berhampiran Istana Anak Bukit.

Jenazah Tunku Annuar akan dibawa dari Istana Anak Bukit dan dimakamkan di Makam Diraja Langgar selepas solat Asar.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039932>